

Langkah positif tingkatkan produktiviti

— Dr. Koh
UM 27 SEP 2001

PULAU PINANG 26 Sept.
— Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon berkata, langkah kerajaan mengumumkan pakej merangsang ekonomi RM4.3 bilion semalam adalah langkah positif jangka panjang untuk meningkatkan tahap teknologi, kemahiran serta produktiviti pekerja.

Menurut beliau, kerajaan negeri menyambut baik langkah tersebut yang akan meningkatkan lagi daya saing Malaysia di peringkat global.

Katanya, peruntukan pembiayaan di bawah dana khas perusahaan kecil dan sederhana akan meningkatkan lagi pengeluaran dalam sektor tersebut.

“Peruntukan bagi sektor pelancongan pula akan membolehkan Malaysia menangkis impak negatif dari luar seterusnya menarik lebih ramai pelancong ke negara ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam mengenai pakej baru rangsang ekonomi RM4.3 bilion sebagai langkah nantas menangkiskelembapan serantau untuk dilaksanakan serta-merta.

Dr. Koh berkata, langkah itu mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk menggerakkan aktiviti ekonomi serta peluang perniagaan untuk rakyat berikutan tragedi yang menimpa Amerika Syarikat serta kegawatan ekonomi global.